

# Belanjawan 2023 utama pertumbuhan ekonomi berhemat

**Putrajaya:** Kerajaan akan mengambil pendekatan bertanggungjawab dalam merangka Belanjawan 2023 dengan mengutamakan pemacu pertumbuhan ekonomi yang berhemat dan pembangunan saksama berpaksikan keadilan sosial untuk rakyat Malaysia.

Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataan berkata, langkah itu akan dilaksanakan walaupun kerajaan mewarisi beban hutang yang tinggi dan ekonomi berhadapan ketidakpastian prospek ekonomi global.

"Pada 2022, hutang dan liabiliti kerajaan hampir menjangkau RM1.5 trilion atau lebih 80 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan nisbah khidmat hutang dijangka akan melebihi 15 peratus daripada hasil.

"Pertumbuhan global juga dijangka menyederhana pada 2023 di mana Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) memberi amaran prospek ekonomi dunia ba-

kal merosot dengan kebanyakan negara dijangka mengalami ke-melesetan ekonomi," katanya.

Kenyataan itu dikeluarkan selepas Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC) dipengerusikan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersidang buat kali pertama pada tahun ini di sini, semalam.

## Teliti fiskal kerajaan

Jawatankuasa Dasar Fiskal bertujuan meneliti fiskal kerajaan dan perkembangan ekonomi negara dalam jangka masa sederhana.

Jawatankuasa itu dianggotai Anwar; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri Ekonomi, Mohd Rafizi Ramli; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali; Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron dan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Nor



Anwar ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Fiskal di Putrajaya, semalam. (Foto ihsan PMO)

Shamsiah Mohd Yunus.

Menurut kenyataan itu, Belanjawan 2023 akan mencerminkan pertanggungjawaban Kerajaan Perpaduan yang mengutamakan pertumbuhan, pengagihan saksama dan keadilan sosial.

"Ini selaras dengan konsep pembangunan Malaysia MADANI supaya kemajuan ekonomi memanfaatkan segenap lapisan masyarakat.

"Kerajaan akan mengekalkan dasar fiskal mengembang untuk

menyokong pertumbuhan ekonomi. Kerajaan juga komited untuk melaksanakan langkah mengurangkan defisit secara berperingkat serta memastikan nisbah hutang dan liabiliti kerajaan berbanding KDNK terkawal," katanya.

Menurut Pejabat Perdana Menteri, Belanjawan 2023 yang dijadual dibentangkan pada 24 Februari ini, akan turut merangkumi langkah menggalakan pelaburan sektor swasta

dan reformasi sektor awam yang bertujuan untuk mengurangkan birokrasi, meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan serta menambah baik tata kelola kerajaan.

"Belanjawan ini juga akan meningkatkan perbelanjaan pembangunan bagi menggalakan pembangunan yang inklusif, terutamanya melalui pelaksanaan perkhidmatan kerajaan dan infrastruktur luar bandar," katanya.